

14/02/1998

RM30j keuntungan ASK diagih kepada 26,052 pelabur

ALOR STAR, Jumaat - Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid, akan mengumumkan dividen bersih Amanah Saham Kedah (ASK) selepas cukai untuk tahun ketiga kewangannya, 28 Februari ini.

Pengumuman berkenaan dijangka melegakan pemegang unit saham ASK walaupun harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) terjejas akibat kejatuhan nilai ringgit, sejak Julai lalu.

Ia berdasarkan keuntungan terkumpul sebanyak RM30 juta ASK yang bakal diagihkan kepada 26,052 pelabur korporat dan individu amanah saham berkenaan.

Setakat tarikh akhir sebelum penggantungan urus niaga ASK selama 15 hari, bermula hari ini, sebanyak 128.5 juta unit saham sudah dijual berbanding 11.3 juta unit saham yang dijual kepada 25,700 pelabur individu dan korporat, tahun sebelumnya.

ASK yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1995, mengeluarkan dividen bersih selepas cukai sebanyak 12 peratus bagi tahun pertama kewangannya.

Bagi tahun kedua kewangannya yang berakhir pada 28 Februari 1997, ASK memberikan dividen sebanyak 14 peratus bagi setiap unit yang berdaftar sehingga 14 Februari 1997.

Ketua pegawai eksekutifnya, Norkhalim Ahmad, berkata Sanusi dijangka mengumumkan dividen memuaskan pelabur ASK, meskipun dalam keadaan kegawatan ekonomi negara.

"Pada 28 Februari ini, Sanusi akan menyampaikan pidato khas mengenai kepentingan pelaburan di kalangan masyarakat di negeri ini, sebelum melancarkan Rakan ASK serta mengumumkan dividen ASK.

"Pertambahan jumlah pelabur dan unit saham yang dijual bagi tahun kewangan berkenaan menunjukkan masyarakat di negeri ini semakin sedar mengenai kepentingan melabur," katanya di pejabatnya, di sini hari ini.

Turut hadir ialah Pengurus Media dan Komunikasi Menteri Besar, Aziz Desa.

Menurutnya, antara pelabur ASK adalah koperasi, insitusi pendidikan, pertubuhan Islam, pertubuhan petani dan nelayan serta individu.

Sementara itu, Aziz berkata, Sanusi melantik seorang ahli perniagaan, Din Merican, 59, sebagai Pengerusi ASK bagi menggantikan Sanusi yang hanya menjadi ahli lembaga pengarah, dua bulan lalu.

(END)